

Kata Kampus

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD MURSYID ARSHAD**

PERBINCANGAN mengenai kecemerlangan generasi muda hari ini tidak hanya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata. Namun, keperluan semasa semakin kompleks kerana dipengaruhi oleh perubahan teknologi, ekonomi dan sosial yang menuntut belia memiliki lebih daripada sekadar pengetahuan.

Mereka perlu berupaya berfikir secara matang, berkomunikasi dengan berkesan, menyesuaikan diri dengan perubahan serta memahami tanggungjawab sosial. Dalam konteks ini, konsep pembangunan belia holistik menjadi semakin signifikan kerana ia menekankan pembentukan insan secara menyeluruh merangkumi ilmu, kemahiran dan nilai.

Pembangunan belia holistik merujuk kepada usaha membentuk individu secara seimbang dari segi intelek, emosi, sosial dan moral. Ia berasaskan kefahaman bahawa tempoh belia ialah fasa pembentukan identiti untuk menjadi dewasa. Pada peringkat inilah golongan belia belajar membuat keputusan sendiri, mengurus hubungan dengan orang lain serta menentukan arah kehidupan.

Oleh itu, pengalaman hidup sebenar memainkan peranan yang sama penting dengan pembelajaran formal. Tanpa pengalaman, ilmu akan menjadi kurang dihayati, tindakan akan mendahului nilai dan kemahiran yang dimiliki akan mudah disalahgunakan.

Dalam konteks pengajian tinggi, pembentukan mahasiswa holistik boleh berlaku melalui penglibatan dalam organisasi pelajar, aktiviti kepimpinan, kesukarelawanan dan projek komuniti. Melalui penglibatan tersebut, mereka belajar mengurus masa, berunding dengan pelbagai pihak dan menyelesaikan masalah secara praktikal.

Teori yang dipelajari di bilik kuliah diterjemahkan kepada realiti apabila berhadapan dengan situasi dan suasana sebenar. Mereka belajar bahawa setiap keputusan mempunyai implikasi dan setiap tindakan memerlukan pertimbangan yang teliti. Di sinilah pembelajaran menjadi bermakna.

Pada masa yang sama, golongan belia secara umumnya turut melalui proses pembentukan yang serupa melalui pengalaman pekerjaan, penglibatan dalam komuniti dan aktiviti kemasyarakatan. Walaupun tidak berlaku dalam kerangka akademik, pengalaman tersebut tetap membentuk kemahiran hidup seperti tanggungjawab, empati dan ketahanan diri. Seorang belia yang mengurus keluarga, bekerja sambil atau terlibat dalam aktiviti komuniti sebenarnya sedang menjalani pendidikan kehidupan. Ini menunjukkan bahawa pembangunan belia bukan terbatas kepada konteks pendidikan semata-mata tetapi berlaku dalam seluruh ekosistem sosial.

Pendekatan pembangunan belia turut menekankan kepentingan penglibatan aktif belia dalam membuat keputusan. Belia yang hanya menerima arahan tidak berpeluang mengembangkan keupayaan



KAMPUS menyediakan pembelajaran terancang, manakala komuniti menyediakan pengalaman kehidupan sebenar. - GAMBAR HIASAN

Pembangunan belia secara holistik

kepimpinan. Sebaliknya, apabila mereka diberi ruang merancang dan melaksanakan sesuatu, mereka belajar memahami implikasi tindakan serta memikul tanggungjawab terhadap hasilnya. Proses ini melatih kematangan pemikiran dan membina disiplin sendiri seperti dalam pendekatan keserakanan belia-dewasa (YA-P). Kepercayaan yang diberikan oleh orang dewasa sebagai pembimbing kepada golongan belia akan menjadi pemangkin kepada perubahan sikap yang lebih positif.

Pengalaman bersama masyarakat juga memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai. Belia yang terlibat dalam aktiviti komuniti lebih memahami realiti kehidupan pelbagai lapisan masyarakat. Mereka bukan sahaja mengembangkan empati, malah menyedari bahawa kejayaan peribadi berkait rapat dengan kesejahteraan bersama. Apabila mereka membantu komuniti, mengurus program kebajikan atau berinteraksi dengan golongan berbeza latar belakang, mereka belajar menghargai perbezaan dan membina kepekaan sosial. Nilai ini penting dalam membina masyarakat yang harmoni dan saling menghormati.

Dari sudut kebolehpasaran, majikan hari ini semakin menilai keupayaan insaniah seperti komunikasi, kerjasama dan kebolehsuaian. Ramai graduan yang cemerlang akademik menghadapi kesukaran menyesuaikan diri kerana kurang pengalaman berinteraksi dalam situasi sebenar. Pengalaman kami di Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), kemahiran insaniah pelajar dibangunkan melalui pelbagai pengalaman kehidupan yang dilalui mereka untuk menjadikan pelajar lebih yakin, fleksibel dan mampu menyelesaikan masalah secara praktikal. Pengalaman mengurus program, menghadapi

kegagalan dan belajar daripada kesilapan menjadi latihan penting sebelum memasuki dunia pekerjaan.

Oleh itu, pembangunan belia perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama antara institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat. Kampus menyediakan pembelajaran terancang, manakala komuniti menyediakan pengalaman kehidupan sebenar. Gabungan kedua-duanya menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan. Apabila universiti, komuniti dan keluarga bergerak seiring, belia akan mendapat ruang pembelajaran yang lebih luas dan seimbang.

Akhirnya, pembangunan belia holistik merupakan pelaburan jangka panjang kepada masa depan negara. Generasi muda yang dibentuk melalui keseimbangan ilmu, pengalaman dan nilai akan menjadi tenaga kerja yang berdaya tahan serta pemimpin yang berintegriti. Dalam dunia yang sentiasa berubah, kelebihan sebenar bukan hanya pada apa yang diketahui tetapi pada keupayaan memahami manusia dan membuat pertimbangan yang bijaksana.

Justeru, setiap peluang penglibatan untuk golongan belia sama ada di kampus mahupun dalam masyarakat perlu dilihat sebagai ruang pembelajaran kehidupan. Apabila belia diberi ruang untuk mencuba, memimpin dan menyumbang, mereka bukan sahaja membina masa depan diri sendiri, malah turut membentuk masa depan negara. Di situlah terletak makna sebenar pembangunan belia holistik yang melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berkeupayaan menjadi ejen perubahan positif kepada masyarakat.

PENULIS merupakan Pensyarah Pembangunan Belia Fakulti Pengajian Pendidikan dan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia



BELIA perlu berupaya berfikir secara matang, berkomunikasi dengan berkesan, menyesuaikan diri dengan perubahan serta memahami tanggungjawab sosial.

- GAMBAR HIASAN